

PPNJ/(O)2/1.369(02)

8 Januari 2025
8 Rejab 1446H

Tuan,

**PELAWAAN SEBUTHARGA BAGI CADANGAN KERJA – KERJA PEMBINAAN KEMUDAHAN
DI REBAN AYAM BUKIT GERIBA – SEBUTHARGA PPNJ BIL.01/2025**

Adalah dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Kontraktor yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **SSM** dan **CIBD G1 Kategori Pengkhususan B04 dan CE21** adalah dipelawa menyertai pelawaan sebutharga ini.
3. Dokumen sebutharga boleh diperolehi semasa lawatan tapak dengan harga **RM50.00** senaskah. Pembayaran boleh dibuat melalui Bank Draft sahaja. Wang tunai tidak dibenarkan.
4. Lawatan tapak akan diadakan pada **16 Januari 2025 (Khamis) jam 10.00 pagi**. Penyebutharga dikehendaki berkumpul di **TKPM Bukit Geriba**. Sila bawa lesen yang berkenaan untuk pengesahan dan hanya penyebutharga yang menghadiri lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli dokumen sebutharga.
5. Deposit berjumlah **RM500.00** (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) perlu disediakan melalui Bank Draft diatas nama Pertubuhan Peladang Negeri Johor dan disertakan bersama Dokumen Sebutharga yang dikemukakan.
6. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri dan dinyatakan dengan jelas tajuk sebutharga disebelah kiri atas sampul surat. Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga sebelum atau pada **23 Januari 2025 (Khamis) jam 12.00 tengahari** di atas nama dan alamat berikut :

**Pengurus Besar
Pertubuhan Peladang Negeri Johor
Wisma Peladang
No. 9-9E, Jalan Selat Tebrau
80000 Johor Bahru, Johor**

PPNJ/(O)2/1.369(02)

7. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Encik Abdul Munim Aslam bin Masri (Penolong Pengurus Teknikal dan Hartanah) ditalian 019-735 0809, Pejabat 07-208 2000 - Ext. Bahagian Pengurusan Risiko / Unit Perolehan dan Faks 07-208 1000 didalam waktu pejabat. PPNJ tidak terikat untuk menerima mana – mana tawaran yang dikemukakan dan semua keputusan yang dibuat adalah muktamad.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Tema Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024
“MENUAI HARAPAN, MEMBINA MASA HADAPAN”

Saya yang menjalankan amanah,


(SHAHRIZON BIN KHAIRUDIN)
Pengurus Besar
Pertubuhan Peladang Negeri Johor

s.k. :

Timbalan Pengurus Besar Operasi	-	makluman tuan
Timbalan Pengurus Besar Pembangunan	-	makluman tuan
Ketua Bahagian Pengurusan Risiko	-	makluman & tindakan puan
Ketua Bahagian Kewangan	-	makluman tuan
Penolong Pengurus Perolehan	-	makluman & tindakan puan
Penolong Pengurus Teknikal & Hartanah	-	makluman & tindakan tuan